



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022



Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia



UiTM CAWANGAN PERLIS JALIN KERJASAMA BERSAMA KOREA SPORTS PROMOTION FOUNDATION (KSPO), KOREA SELATAN



Korean Institute of Sports Science (KISS) yang diwakili oleh Dr Hyunjoo Cho dan Cik Kim Yoola melalui kerjasama yang wujud di antara Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) UiTM, Institut Sukan Negara (ISN) dan Korea Sports Promotion Foundations (KSPO) di sini hari ini.

Pelbagai perbincangan telah diadakan diantara pihak UiTM Cawangan Perlis bersama pihak KISS melalui sesi pertemuan ni. UiTM Cawangan Perlis diketuai oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof. Ts. Dr Mohd Azlan Mohd Ishak; Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, dan Alumni, Ts. Gs. Dr Ernieza Suhana Mokhtar; Ketua Pusat Pengajian FSR, Dr. Harris Kamal Kamaruddin serta barisan pensyarah FSR UiTM Cawangan Perlis.

Pihak UiTM Cawangan Perlis juga mengambil peluang mempromosikan dua persidangan yang akan dijalankan pada tahun 2023 iaitu The 6th International Innovation, Design and Articulation (i-IDEA) dan International Sports Science Conference (ISSC).

Satu sesi taklimat dan perkongsian tentang fungsi dan peranan KISS kepada pensyarah dan pelajar FSR UiTM Cawangan Perlis turut diadakan sejeurus selepas itu. Seramai 120 orang pelajar turut sama menghadiri sesi perkongsian yang disampaikan oleh Dr Hyunjoo Cho yang menumpukan kepada kepentingan dan keperluan sukan dalam memenuhi objektif Sustainable Development Goals (SGD) dan memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang fungsi utama KISS bagi membantu perkembangan sukan dan kesihatan di Korea Selatan.

Dalam masa yang sama pihak KISS juga telah mengadakan lawatan tapak ke semua makmal FSR iaitu Makmal Kecergasan, Makmal Kesihatan, Makmal Rekreasi dan Makmal Fisiologi. Tujuan lawatan tapak ini adalah bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pihak KISS dan KSPO tentang kesediaan pihak universiti bagi memberikan komitmen penuh dalam merealisasikan projek dan kajian yang dicadangkan.

Oleh:
Dr. Harris Kamal Kamaruddin

Arau, 30 Oktober 2022 – UiTM Cawangan Perlis melalui Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) Cawangan Perlis telah menerima kunjungan rasmi dari pihak